

22/08/2002

KDNK Malaysia naik 3.8 peratus

Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Rabu - Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh pada suku kedua tahun ini dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus berkembang 3.8 peratus, selepas meningkat 1.1 peratus pada suku pertama.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata permintaan dalam negeri yang teguh dan pemulihan eksport menjadi teras kepada pertumbuhan positif angka KDNK sepanjang suku kedua itu.

Dengan pertumbuhan itu, perkembangan ekonomi negara sepanjang setengah tahun pertama 2002 berada pada paras 2.45 peratus berbanding hanya 1.8 peratus yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lalu.

Berikutan perkembangan positif itu, Zeti berkata kerajaan dijangka mengumumkan peningkatan unjuran pertumbuhan KDNK negara tahun ini dalam pembentangan Belanjawan 2003 oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan depan.

"Ada potensi pertumbuhan kukuh pada suku kedua ini akan diteruskan pada separuh kedua 2002, sekali gus menjadikan perkembangan KDNK tahun ini lebih baik daripada yang diunjurkan kerajaan sebelum ini.

"Perkembangan ekonomi Malaysia pada 2002 akan lebih baik daripada 3.5 peratus yang dijangkakan dalam Laporan Tahunan Bank Negara," katanya pada sidang akhbar mengumumkan Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia bagi Suku Kedua 2002 di sini, hari ini.

Kerajaan sebelum ini mengunjurkan KDNK negara berkembang 3.5 peratus bagi seluruh 2002 walaupun beberapa penganalisis dan penyelidik ekonomi antarabangsa mengunjurkan angka itu mampu mencatat sehingga 4.5 peratus.

Zeti yakin pertumbuhan ekonomi Malaysia mampu berkembang pada kadar minimum 3.5 peratus kerana kepelbagaian ekonomi domestik walaupun faktor luaran secara umumnya masih tidak begitu menggalakkan.

Perbelanjaan pengguna, terutama oleh sektor swasta yang meningkat 5.6 peratus pada suku kedua berbanding tiga peratus pada suku pertama, menjadi bertambah penting sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi negara pada suku kajian.

Pendapatan benar yang lebih tinggi hasil operasi pengembangan fiskal kerajaan, peningkatan eksport, kenaikan harga komoditi, kadar faedah rendah dan pinjaman lebih mudah menjadi perangsang pertumbuhan penggunaan swasta.

"Sektor perkhidmatan masih pendukung utama perkembangan KDNK. Aktiviti sektor perkilangan mencatat pertumbuhan 5.6 peratus pada suku kedua lalu berbanding penguncupan 2.3 peratus pada suku sebelumnya.

"Pertumbuhan perkilangan itu adalah perkembangan positif pertama sektor berkenaan sejak suku pertama 2001," katanya.

Zeti berkata, prestasi yang bertambah baik itu adalah hasil pengembangan kukuh dalam keluaran industri berorientasikan domestik serta pengeluaran industri berorientasikan eksport terutama elektronik.

Sektor pembinaan pula mencatat pertumbuhan 3.4 peratus pada suku kedua lalu berbanding 2.9 peratus pada suku sebelumnya hasil sokongan keteguhan permintaan rumah mampu milik.

Beliau berkata, pertumbuhan sektor perkhidmatan juga kekal kukuh pada 4.5 peratus pada suku kedua lalu berbanding 4.4 peratus pada suku sebelumnya hasil pengukuhan menyeluruh dalam keadaan permintaan.

Sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat 7.7 peratus disebabkan pemberian pinjaman lebih tinggi terutama bagi perumahan dan barangan pengguna tahan lama.

"Prospek ekonomi kekal menggalakkan dengan pertumbuhan pada separuh kedua dijangka disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan daripada dalam serta luar negara," katanya.